

24 MAY 2003

Mahathir-Brunei

M'SIA KEMUKA FORMULA TUNTUTAN WILAYAH KEPADA BRUNEI

PULAU PINANG, 24 Mei (Bernama) -- Malaysia telah mengemukakan formula mengenai tuntutan wilayah kepada Brunei Darussalam untuk pertimbangan kerajaan negara itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya beliau juga telah membincangkan tentang tuntutan berkenaan dalam pertemuannya dengan Sultan Hassanal Bolkiah sempena lawatan tiga hari ketua negara Brunei itu ke Pulau Pinang.

Perbincangan dua hala itu, yang berlangsung selama satu jam 10 minit, turut membincangkan usaha untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara, kata Dr Mahathir pada sidang media selepas pertemuan itu di sini.

"Saya berpuashati dengan rundingan dua hala yang diadakan itu dan percaya bahawa hubungan kedua-dua negara akan bertambah erat.

"Kita turut membincangkan tuntutan wilayah dan satu formula dikemukakan untuk pertimbangan Brunei," kata Dr Mahathir tanpa menyatakan secara spesifik tentang tuntutan yang dimaksudkan itu.

Ditanya sama ada masalah Limbang turut dibincangkan, beliau berkata: "Kita cuma (ada) menyentuh tentang Limbang."

Beliau juga berkata satu formula tentang Limbang telah lama dikemukakan oleh Malaysia kepada Brunei.

Ditanya sama ada masalah Limbang menghampiri penyelesaian, Dr Mahathir berkata: "Saya berharap agar isu mengenai Limbang itu akan selesai sebelum persaraan saya pada Oktober ini".

Ditanya mengapa beliau berbincang agak lama dengan Sultan Brunei beliau berkata: "Yang agak lama tu kerana kita cakap banyak perkara...kita turut bercakap fasal isu antarabangsa...kami kawan lama".

Limbang, seluas 3,978 kilometer persegi di Sarawak yang bersempadan dengan Brunei, berpuluh tahun lalu pernah dituntut oleh negara Brunei yang mendakwa ia terletak dalam negara berkenaan.

Rakyat Malaysia yang masuk-keluar Brunei menerusi Limbang pula dikatakan mengalami pelbagai kesukaran termasuk terpaksa mengecop pasport sebanyak lapan kali kerana melalui pelbagai pos pemeriksaan Imigresen di samping hanya kenderaan perniagaan tertentu sahaja dibenarkan masuk.

Dr Mahathir, ketika ditanya tentang penghapusan sekatan 13 tahun terhadap Iraq berkata, Malaysia sedang memerhatikan apakah makna penghapusan sekatan itu terhadap negara berkenaan.

Ditanya sama ada Amerika Syarikat yang menceroboh Iraq kini mempunyai kuasa penuh terhadap negara yang kaya dengan minyak itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Kita perlu tunggu dan lihat."

Menyentuh tentang sejauh manakah pelarian Aceh memasuki Malaysia ekoran perang saudara meletus di sana, Dr Mahathir berkata setakat ini tidak ada masalah pelarian Aceh di negara ini yang sejak dulu bukan merupakan tempat perlindungan atau suaka politik bagi mereka.

-- BERNAMA

AA ZS RON